

CABARAN DAN IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP INSTITUSI KEKELUARGAAN DI MALAYSIA

Khatijah Othman
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800, Negeri Sembilan.
Email: khatijah@usim.edu.my

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah melanda dunia sejak penghujung tahun 2019. Ini bermakna penduduk dunia dan Malaysia sudah menghadapi wabak ini selama lebih dua tahun. Keadaan yang melanda ini sudah tentu memberi pelbagai cabaran dan impak terhadap institusi kekeluargaan di seluruh dunia dan Malaysia tentunya. Kajian ini membincangkan beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh ibubapa dalam menangani isu utama dan impak kepada kehidupan mereka dan institusi kekeluargaan secara umumnya. Isu ketua keluarga hilang pekerjaan, kehabisan wang simpanan, dan sekiranya bekerja, sudah hampir dua tahun Bekerja Dari Rumah (BDR), anak-anak melalui sistem pendidikan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR); semua ini adalah cabaran besar yang perlu dihadapi oleh keseluruhan ibubapa di Malaysia. Kajian ini adalah berbentuk konseptual dibuat berdasarkan kepada data sekunder dimana tinjauan literatur adalah digunakan dalam melihat cabaran dan impak yang berlaku melalui bahan bacaan daripada jurnal, laman web, penulisan akhbar dalam talian, dan lain-lain hasil pembacaan dalam talian yang dijilankan. Dapatan kajian membuat saranan agar ibubapa kekal bersemangat positif dalam menjalankan urusan kerja dan urusan harian supaya semangat yang sama dapat diterap kepada semua ahli keluarga yang lain. BDR dan PdPR adalah norma baharu yang perlu disesuaikan dalam kehidupan harian. Dalam menghadapi revolusi industri yang ke-empat ini, BDR dan PdPR, ilmu perkomputeran dan kemahirannya perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Persekitaran BDR sudah tentu memberi impak besar kepada kebanyakan pekerja. Pengurusan atasan terutama bahagian sumber manusia dan kementerian sumber manusia perlu menitikberatkan cabaran yang dihadapi oleh pekerja mereka supaya BDR secara produktif dapat diwujudkan. Dengan ini, pekerja secara BDR dapat menghasilkan prestasi kerja dan daya pengeluaran yang terbaik untuk diri sendiri, institusi keluarga, organisasi dan juga negara secara keseluruhan. Sesungguhnya kehidupan bersama pandemik adalah satu kehidupan yang pada awalnya dilalui tanpa persediaan yang rapi dari semua warga Malaysia dan warga dunia. Namun begitu secara perlahan-lahan, semua warga berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan kehidupan yang mencabar ini. Satu resolusi pasca pandemik seharusnya dicadangkan bagi melihat kualiti kehidupan institusi kekeluargaan di Malaysia utuh seperti dahulu. Dasar Keluarga Negara (DKN) pasca pandemik seharusnya diperkukuhkan dengan mengambilkira semua permasalahan dan cabaran utama yang dihadapi oleh ibubapa dalam mengendalikan keluarga mereka.

Kata Kunci : Cabaran, Impak, Institusi Kekeluargaan, Pandemik Covid-19.

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 adalah wabak yang melanda seluruh dunia bermula dari Disember 2019 hingga sekarang. Boleh dikatakan hampir semua negara yang menghadapi pandemik ini mengenakan kaedah penutupan atau penyekatan (lockdown) bagi memastikan rakyat dapat dirawati dan dilindungi. Di Malaysia, dalam menghadapi pandemik ini, kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau PKPD (yang diperketatkan bagi satu kawasan tertentu) supaya kawalan wabak dapat dibuat dengan lebih berkesan. Tidak dapat dinafikan PKP ini memberi kesan besar kepada individu dan masyarakat secara keseluruhan. Norma normal telah berubah menjadi 'norma baharu', samada ianya disukai atau tidak, sehingga tahun 2021 ini ianya telahpun berjalan hampir dua tahun. Dalam hal ini, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood yang merupakan penasihat khas Perdana Menteri mengenai kesihatan awam, menyatakan dalam Malay Mail pada 3 Mei 2020 bahawa PKP/D adalah bukan untuk mengakhiri Covid-19 tetapi ianya adalah bertujuan untuk meratakan lekukan untuk memastikan sistem kesihatan dilindungi dan dapat mengatasi jumlah pesakit yang dijangkiti (Mahmood, 2020). Beliau juga menekankan bahawa Covid-19 tidak akan berakhir dalam masa dua tahun dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan kepatuhan di kalangan orang ramai. Dari ini, ia menunjukkan bahawa PKP/D Covid-19 menyebabkan kehidupan norma semasa berubah menjadi norma baharu dalam banyak aspek kehidupan. Dari keadaan yang dilalui ini, boleh dikatakan bahawa pandemik Covid-19 adalah gangguan yang bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan tubuh badan, tetapi ianya juga memberi kesan kepada institusi kekeluargaan di Malaysia secara keseluruhannya.

Semasa PKP/D ini, institusi kekeluargaan yang dikemudi oleh ibubapa sebagai ketua rumahtangga menghadapi cabaran yang berbeza. Ia bergantung kepada taraf kehidupan dan ekonomi rumahtangga tersebut. Sekiranya ibubapa masih ada pekerjaan untuk menyara anak-anak dan ahli keluarga, ianya sudah tentu menjadi faktor bertahan yang utama untuk keluarga tersebut. Tetapi bagi ibubapa yang hilang pekerjaan dan punca pendapatan, kemelut keluarga yang mereka hadapi adalah semakin memuncak. Ibubapa menghadapi cabaran PKP/D ini dengan cara yang berbeza bergantung kepada jenis pekerjaan yang dilakukan, gaya kehidupan, komitmen keluarga dan sifat keperibadian keluarga tersebut. Sudah tentu bagi ibubapa yang mempunyai anak-anak yang ramai, kesannya terhadap kehidupan adalah lebih kerana cabaran yang dihadapi adalah pelbagai. Secara ringkasnya, semua pihak terjejas dengan keadaan pandemik yang berpanjangan ini dan tidak dapat dinafikan institusi kekeluargaan sangat terkesan terutamanya impak kepada kemandirian kewangan/ekonomi, kestabilan emosi, dan kecekalan/daya tahan diri (self resilience).

PENYATAAN MASALAH

Kajian ini membincangkan tentang beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh ibubapa dalam menangani isu utama dalam kehidupan mereka sebagai ketua keluarga. Diantara isu besar yang dihadapi oleh ibubapa adalah tentang kemandirian kewangan apabila Perintah Kawalan Pergerakan/Diperketatkan (PKP/D) dijalankan diseluruh Malaysia bilamana jangkitan memuncak sehingga lebih dari 20,000 orang sehari. Manakala angka kematian pula mencecah hingga 200 atau lebih dalam sehari. Sehingga Oktober 2021, angka jangkitan mencecah hingga 1,706,089 individu dan jumlah kes kematian pula adalah 16,089 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Isu ketua keluarga hilang pekerjaan, kehabisan wang simpanan, dan sekiranya bekerja, sudah hampir dua tahun 'Bekerja Dari Rumah' (BDR), dengan anak-anak melalui sistem pendidikan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), adalah satu tamparan hebat kepada institusi kekeluargaan. Ada dikalangan suami dan isteri kehilangan sumber pencarian mereka sekaligus dalam masa yang sama, sepertimana yang dihadapi oleh seorang juru elektrik dan isterinya seorang pembantu kedai makan. Dalam keadaan tersebut, mereka terpaksa menahan perasaan malu apabila terpaksa mendapatkan bantuan makanan dari masjid demi kelangsungan hidup (Abdul Rahman, 2021). Kes-kes sebegini menjadi kes lumrah apalagi bila pandemik telah memasuki tahun kedua dan lebih ramai penduduk yang hilang pekerjaan akibat dari terjejasnya sektor ekonomi yang lain.

Dalam masa yang sama, sektor ekonomi terjejas teruk dengan pandemik ini. Banyak perniagaan yang terpaksa ditutup kerana tidak mampu menanggung kos operasi dan sewa yang tinggi sedangkan permintaan dari pelanggan adalah sangat rendah. Kesannya, mereka terpaksa memberhentikan pekerja dan ini membuatkan kadar pengangguran meningkat. Parzi dan Abd Karim (2020) melaporkan dalam Berita Harian online bahawa lebih dari 800,000 individu kehilangan pekerjaan sejak negara dilanda pandemik COVID-19. Perkara ini disahkan oleh laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) pada April 2021, kadar pengangguran meningkat kepada 777.5 ribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Manakala bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu meningkat sebanyak 81.2 ribu orang (116.6%) berbanding 69.6 ribu orang pada Februari 2021. Golongan ini, tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk dikembalikan setelah pelan pemulihan ekonomi berlaku pasca pandemik nanti. Perkara ini berlaku akibat dari penutupan perniagaan semasa PKP kerana banyak syarikat tidak dapat menampung kos asas termasuk gaji pekerja sehingga syarikat terpaksa memberhentikan pekerja. Azman (2021) melaporkan bahawa Kajian Pusat Penyelidikan EMIR pada suku keempat tahun 2020 mendapati 81 peratus daripada responden menunjukkan kebimbangan akan kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19. Enam perkara yang membimbangkan rakyat Malaysia adalah faktor kehilangan pekerjaan, gaji tidak mencukupi, ancaman Covid 19 dari pendatang asing, peningkatan tahap hutang negara, kesihatan mental dan tekanan perasaan; dan masa menunggu untuk berjumpa doktor. Masyarakat Melayu dan Bumiputera serta kaum India menunjukkan tahap kebimbangan tinggi berbanding responden kaum Cina mengenai kualiti pendidikan, kualiti sektor kesihatan dan kesihatan mental. Manakala responden dari kawasan bandar dilihat lebih tinggi kebimbangan mereka berbanding kawasan luar bandar. Dalam menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan samada kehilangan pekerjaan secara kekal atau sementara, ibubapa yang bekerja juga dalam banyak situasi semasa pandemik ini perlu bekerja dari rumah (BDR). Semasa BDR, ibubapa juga terpaksa memantau anak-anak mereka yang belajar diperingkat kolej/universiti, sekolah menengah, sekolah rendah atau diperingkat pra-sekolah melalui Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Sudah tentu beberapa situasi yang dinyatakan tersebut menambahkan bebanan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh keseluruhan ibubapa di Malaysia. Sudah tentu impak daripada cabaran ini sangat meninggalkan kesan kepada institusi kekeluargaan bilamana impak negatif melebihi dari positif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian berbentuk konseptual dibuat berdasarkan kepada data sekunder dimana tinjauan literatur dan kajian-kajian lepas adalah digunakan dalam memahami cabaran dan impak yang berlaku melalui bahan bacaan daripada laman web, jurnal, penulisan akhbar dalam talian, dan analisis hasil penyelidikan lepas yang telah dijalankan. Coombs and Daniels (1991) menekankan bahawa analisis konseptual memberikan penjelasan yang jelas mengenai makna sesuatu konsep dengan memperincikan hubungannya dengan suatu konsep lain dan bagaimana peranannya dalam amalan sosial. Kertas kerja ini secara umumnya menganalisis secara konseptual hubungan diantara pandemik covid-19 dan institusi kekeluargaan di Malaysia, apakah cabaran dan impak kepada kehidupan norma baharu yang sedang berlaku pada masa ini. Analisis kandungan dijalankan dan beberapa perkara utama telah diketengahkan hasil dari kajian ini melalui pendekatan tematik analisis. Dengan data tinjauan literatur dan kajian lepas, analisis kandungan membantu penyelidik untuk menentukan bagaimana perkataan dan corak perkataan digunakan dalam konteks konseptual (Statistics Solutions, 2021). Dari isu utama, penyelidik mengenalpasti tema-tema penting yang berkaitan dan kemudiannya membentangkan hasil dapatan kajian dalam bentuk peta konseptual. Tema-tema yang sangat penting dalam kajian ini disenaraikan mengikut tajuk utama dan sub-tema diberi perhatian dalam mencari maklumat yang berkaitan dalam membincangkan isu institusi kekeluargaan dalam cabaran pandemik ini. Beberapa cadangan untuk tindakan telah digariskan dalam kajian konsep ini.

TINJAUAN LITERATUR DAN KAJIAN LEPAS

INSTITUSI KEKELUARGAAN DI MALAYSIA

Institusi keluarga adalah sebuah institusi penting dalam mengolah dan mengatur pembangunan negara. Dengan mengambilkira struktur penting yang perlu ada, sesebuah keluarga itu dapat membina landasan yang kukuh dalam membina keluarga bahagia dan berjaya. Sistem kehidupan keluarga yang baik dapat membantu setiap individu manusia untuk mengukuh dan menyerlahkan lagi keunggulan keluarga serta peranannya dalam masyarakat (Fatimah & Jemain, 2015). Bagi tujuan pembangunan keluarga yang komprehensif, Dasar Keluarga Negara (DKN) (LPPKN, 2021) telah dibina bagi menyokong dan melengkapi Dasar Sosial Negara, Dasar Wanita Negara dan Dasar Kanak-kanak Negara yang berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan matlamat Wawasan 2020. Dasar ini bermatlamat untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien untuk memastikan kestabilan sosial. Manakala Deklarasi Keluarga Malaysia (DKM) telah menggariskan dasar dan prinsip yang

terkandung dalam Dasar Keluarga Negara (DKN) selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. DKM ini adalah selari dengan Artikel 16 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejahtera (1948) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu, institusi keluarga wajar diberi perlindungan oleh masyarakat dan kerajaan. Ianya bertujuan bagi memastikan semua pihak meletakkan keluarga sebagai keutamaan dalam segala perancangan dan tindakan (Iskandar, 2019).

Dalam keadaan ini, sesungguhnya peranan ibubapa adalah sangat penting bagi memastikan keutuhan institusi ini dari segi pendidikan kepada anak-anak dan juga kelangsungan kehidupan dalam apa jua keadaan yang dihadapi. Menurut sarjana Islam al-Farabi, kebahagiaan atau kesejahteraan sesebuah keluarga memerlukan kepemimpinan yang baik iaitu dari ibu bapa yang boleh diharapkan untuk menunaikan tanggungjawab (Al-Yasin, 1983) dalam sesebuah keluarga tersebut. Ulwan (2015) menerusi kitabnya yang terkenal *Tarbiyatul Awwalad fil Islam* telah menggariskan tujuh aspek pendidikan yang dipertanggungjawabkan kepada setiap ibu bapa iaitu pendidikan iman, pendidikan akhlak, pendidikan jasmani (fizikal), pendidikan mental, pendidikan psikologi serta pendidikan sosial. Ketujuh-tujuh aspek pendidikan ini perlu diterapkan dalam jiwa dan pemikiran anak-anak bagi melahirkan keseimbangan dalam diri anak-anak tersebut. Sudah tentu, tanggungjawab tersebut adalah tanggungjawab yang bukan mudah dilaksanakan yang mana ianya juga memerlukan institusi keluarga ini diketuai oleh ibubapa yang matang, seimbang, berwibawa, bertoleransi dan mempunyai wawasan yang jelas dalam pembentukan keluarga.

PANDEMIK COVID-19 DAN HUBUNGANNYA DENGAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

Polemik wabak Covid-19 ini mempunyai implikasi besar terhadap setiap aspek kehidupan termasuklah politik, ekonomi dan sosial dan ianya memberikan reaksi yang pelbagai dari segenap lapisan masyarakat. Arahan PKP/D menyebabkan rakyat Malaysia tidak bebas melakukan tugas harian seperti biasa. Senario yang berlaku memerlukan individu menyesuaikan diri dengan norma-norma baharu yang perlu dipatuhi (Aziz@Dorashid, 2020). Implikasi pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran pada tahun 2020 kepada 4.5 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021a). Secara umumnya, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada hampir semua perniagaan pada tahun 2020. Akibatnya, ramai yang kehilangan pekerjaan sementara majikan pula membatalkan dan membekukan pengambilan pekerja baharu. Oleh itu, negara berdepan dengan permintaan buruh yang lebih perlahan dengan jumlah peluang pekerjaan yang lebih sedikit yang menyebabkan peningkatan bilangan penganggur lebih daripada 200 ribu orang sementara kadar pengangguran meningkat di atas 4.0 peratus sejak April 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021a).

Keadaan mungkin agak berbeza di negara-negara maju seperti di Eropah contohnya, di Jerman, mereka juga beralih kepada bekerja secara atas talian dan pekerjaanya bekerja dari rumah (Möhring et al. 2020). Bagi mengelakkan krisis ekonomi ketara, Jerman mengelakkan pemberhentian kerja secara besar-besaran dan melalui dasar sosial negara, diperkenalkan kerja jangka pendek. Syarikat yang terjejas oleh kemerosotan dapat mengurangkan waktu kerja dan gaji pekerja mereka, dan penggantian pendapatan diimbangi oleh pembayaran oleh kerajaan sehingga 60% dari pendapatan bersih sebelumnya. Di sini adalah contoh dimana kerajaan mengimbangi kesejahteraan pekerja melalui dua metod iaitu; (a) kerja jangka pendek dan (b) bekerja jarak jauh secara atas talian (Möhring et al., 2021). Pandemik Covid-19 ini memerlukan setiap keluarga untuk berusaha menjaga keseimbangan kerja-keluarga dengan apa jua faktor sokongan yang ada. Dengan sekolah dan kemudahan jagaan kanak-kanak ditutup, ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penjagaan anak-anak di rumah dan dalam masa yang sama melaksanakan kerja secara BDR. Cabaran yang dihadapi menjadikan keseimbangan kerja-keluarga semakin mencabar.

CABARAN COVID-19 TERHADAP INSTITUSI KEKELUARGAAN DI MALAYSIA

Tidak dapat dinafikan bahawa cabaran besar terhadap institusi kekeluargaan adalah apabila ketua keluarga iaitu ibubapa kehilangan pekerjaan akibat diberhentikan kerja pada musim pandemik ini. Sistem Insuran Pekerjaan (SIP) merekodkan seramai 99, 696 pekerja diberhentikan antara Januari hingga 27 November lalu akibat kesan penularan Covid-19 (Muhammad, 2020). Timbalan Menteri Sumber Manusia, Awang Hashim berkata punca kepada pemberhentian pekerja termasuk pengambil alihan dan penutupan syarikat serta masalah kewangan kritikal (Muhammad, 2020). Timbalan Menteri Sumber Manusia, Awang Hashim berkata, pembuangan pekerja itu termasuk melibatkan golongan berkemahiran tinggi, masing-masing membabitkan kategori pengurus seramai 13,109 orang; profesional (26,079 orang) dan juruteknik serta profesional bersekutu (19,095 orang) (Muhammad, 2020). Dalam masa yang sama, Awang berkata dianggarkan 75 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja yang dibuang adalah daripada golongan B40 yang berpendapatan RM4,000 ke bawah. (Muhammad, 2020).

Masalah kewangan meningkat terutama di kalangan peniaga kecil. Sebilangan besar mereka tertekan kerana tidak dapat keluar bekerja seperti biasa untuk mencari nafkah untuk menyara seluruh keluarga. Mereka harus memikirkan masalah makanan yang terhad, kemudahan ubat-ubatan, peralatan perubatan dan banyak lagi (Aziz, Sukor & Ab Razak, 2020). Salah satu masalah kewangan yang dihadapi oleh peniaga kecil adalah simpanan yang tidak mencukupi. Ini disebabkan oleh masalah covid 19 yang menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan perniagaan sedangkan barang keperluan harian seperti makanan memerlukan kos. Pandemik Covid-19 sangat memberi tekanan kepada peniaga kecil kerana mereka terlalu bimbang dengan masalah untuk terus hidup dan mencari sumber pendapatan. Tekanan yang dihadapi boleh mencetuskan masalah kesihatan dan membahayakan diri sendiri. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana jika dibiarkan, banyak perkara yang tidak diinginkan akan berlaku (Mustaffa, 2020).

Disebabkan wabak yang berbahaya ini jugalah telah timbul isu-isu kesihatan mental yang semakin meningkat dan amat membimbangkan. Antara faktornya ialah kerana kemurungan, kebimbangan dan sebagainya. Ini kerana perubahan secara drastik kepada masyarakat serta pelajar telah berlaku. Iaitu sumber pendapatan terjejas, bemulanya pembelajaran secara alam maya, tidak dapat pulang berjumpa dengan ibu bapa di kampung halaman, tempoh berkurung dirumah dengan sangat lama dan lain-lain faktor lagi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan sebanyak 91.2 peratus daripada lebih 100,00 panggilan diterima untuk meminta bantuan emosi dan kaunseling. Malaysia berada pada tahap yang paling membimbangkan jika dibandingkan dengan negara lain seperti Australia, New Zealand, dan lain-lain (Alyasa, 2021). Untuk remaja, dalam menuju kearah kedewasaan biasanya mereka menghadapi keadaan kritikal dalam mengatasi kesihatan mental mereka. Sebahagiannya disebabkan oleh kerana tiada tempat untuk bercerita atau meluahkan perasaan kepada ahli keluarga mahupun kawan kerana selalu di salah tafsirkan dengan sifat

kuat mengadu atau lemah. Maka, dari situlah awal permulaannya mereka cuba menyembunyikan perasaan, bertukar menjadi murung dan yang paling bahaya sekali sehingga mencederakan diri sendiri (Abd Wahid, 2021).

Cabaran seterusnya yang berhubungkait dengan institusi keluarga dalam musim pandemik ini adalah apabila penutupan sekolah berlaku dan kesannya terhadap pembelajaran serta memberi beban pendidikan kepada pelajar, ibu bapa, dan guru-guru samada secara langsung atau tidak langsung. Apabila sekolah ditutup, banyak kanak-kanak dan remaja kehilangan hubungan sosial yang sangat penting terutamanya dalam menyediakan motivasi perkembangan pembelajaran. Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) adalah bagi memastikan komunikasi antara guru dan pelajar dapat diwujudkan. Ia juga memberi peluang untuk interaksi sosial dan memudahkan kesinambungan pendidikan untuk semua pelajar melalui pembelajaran jarak jauh.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini memaparkan cabaran yang dilalui oleh ibubapa sebagai ketua dalam keluarga dan bagaimana impaknya terhadap institusi kekeluargaan semasa pandemik ini terhadap ahli dalam keluarga masing-masing, termasuk anak-anak atau ahli keluarga lain yang tinggal bersama mereka.

CABARAN YANG DI HADAPI OLEH IBUBAPA DAN INSTITUSI KEKELUARGAAN SEMASA PKP PANDEMIK COVID-19

1. Cabaran pertama yang dihadapi dan menggugat institusi kekeluargaan di Malaysia adalah akibat dari ibubapa yang kehilangan punca pendapatan samada secara sementara atau kekal. Kehilangan punca pendapatan ini sangat mencabar kerana ia adalah merupakan sumber kewangan untuk menyara anak-anak dan menjadi sumber perbelanjaan keluarga dalam menghadapi pandemik Covid-19 ini. Apa yang pasti, perkara ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, tetapi ia adalah menjadi cabaran global. Faktor-faktor tersebut dialami oleh semua industri secara global disebabkan pandemik Covid-19 yang di luar kawalan (Muhammad, 2020).
2. Cabaran pandemik ini juga telah mempengaruhi kesihatan mental kerana ianya perkara baharu yang belum pernah terjadi sebelum ini. Banyak sektor yang terpaksa ditutup dan ramai yang telah kehilangan pekerjaan dan terpaksa akur kepada sekatan perjumpaan sosial (Sullivan, et al., 2020). Kajian Manja et, al. (2020) menunjukkan tahap keletihan ibu bapa semasa tempoh PKP adalah antara sederhana hingga tinggi. Walaupun kajian Norberg (2007) dan kajian lain menunjukkan bahawa ibu lebih cenderung mengalami 'burnout' (keletihan melampau) berbanding bapa, tetapi keadaannya berbeza dalam tempoh PKP, dimana bapa lebih cenderung mengalami keletihan berbanding ibu. Perkara ini berlaku mungkin dari faktor norma baharu dimana aktiviti-aktiviti untuk melepaskan tekanan seperti bersenam di luar rumah, bersiar-siar, bercuti bersama keluarga dan sebagainya adalah sangat terhad dan hanya mampu menghabiskan masa di rumah sahaja. Kajian Manja et, al. (2020) juga mendapati ibu bapa yang bekerja di sektor swasta lebih cenderung menghadapi keletihan dan diikuti oleh orang yang bekerja sendiri. Dalam hal ini, sektor swasta bergantung pada pengeluaran dan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat, sebaliknya bagi mereka yang bekerja di sektor awam penerimaan gaji setiap bulan adalah secara tetap. Sektor swasta terutamanya dalam agensi pelancongan, hotel, syarikat penerbangan, pusat jagaan kanak-kanak contohnya, sangat mengalami kerugian semasa PKP dijalankan. Syarikat terpaksa memutuskan sama ada membayar separuh daripada gaji kakitangan atau tidak membayar langsung sepanjang tempoh PKP atau memberhentikan pekerja kerana menghadapi masalah kewangan. Ini semua mungkin menjadi punca mengapa lebih ramai ibu bapa di sektor swasta menghadapi masalah keletihan melampau dan mengalami tekanan.
3. Bagi ibubapa yang juga seorang pekerja dalam organisasi, pandemik covid-19 ini telah menimbulkan pelbagai cabaran bagi pekerja yang terpaksa BDR tanpa mengira keadaan keluarga mereka. Perubahan mendadak telah membawa banyak cabaran kepada ibu bapa termasuk:
 - (i) Pertindihan antara jadual kerja dan jadual PdPR anak-anak.
 - (ii) Bimbang akan gangguan dari anak-anak semasa mesyuarat dalam talian tentang urusan kerja.
 - (iii) Rasa bimbang berlebihan yang boleh menjadikan seseorang pekerja sangat kepenatan.
4. Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah agak sukar bagi ibubapa untuk memantau keseluruhan perjalanan PdPR ini. Hakikatnya, walaupun inisiatif ini didapati sesuai untuk memenuhi keperluan dalam keadaan sukar ini, tetapi secara tidak langsung ia telah memberikan rutin yang sukar kepada ibu bapa yang BDR kerana pada masa yang sama perlu memikul tanggungjawab untuk memastikan proses pembelajaran anak-anak mereka berterusan dengan lancar. Cabaran tersebut menjadi lebih sukar apabila seorang pekerja itu perlu menggalas tanggungjawab sebagai ibu bapa pada masa sedang bekerja. Mereka perlu menjaga, membantu dan memantau perjalanan kelas PdPR anak-anak. Ini juga memberikan keadaan tekanan dan risiko keletihan. Rajah 1 menunjukkan empat cabaran utama yang dihadapi semasa PKP pandemik Covid-19 sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Rajah 1. Cabaran yang dihadapi oleh ibubapa dan institusi kekeluargaan semasa PKP pandemik Covid-19



Rajah 1 menunjukkan cabaran utama yang dihadapi oleh ibubapa semasa PKP pandemik Covid-19 yang menjejaskan institusi kekeluargaan di Malaysia. Diantara cabaran utama yang telah dibincangkan adalah masalah kehilangan sumber pendapatan samada secara kekal atau sementara. Bagi ibubapa yang bekerja dari rumah (BDR) tanpa pengasuh anak tambahan pula pusat asuhan tutup kerana pandemik, maka BDR dilakukan sambil mengerjakan segala tugas mengasuh anak dan hal-hal rumahtangga yang lain. Selain dari itu, mereka juga perlu memantau hal-hal pembelajaran anak-anak melalui PdPR dan memastikan PdPR dapat berjalan mengikut jadual. Keadaan ini membuatkan ibubapa, dan juga ahli keluarga menghadapi tekanan, keletihan, kemurungan dan 'burnout syndrome' akibat dari kerja-kerja dan tanggungjawab yang berterusan dimana dalam masa yang sama kesemua mereka terpaksa kekal dirumah sepanjang masa tersebut. Perkara ini mungkin menjadi lebih kritikal sekiranya keadaan rumah yang didiami sangat sempit dan tidak selesa untuk ahli keluarga yang ramai atau sekiranya mereka menghadapi masalah akses internet yang terhad atau diluar rangkaian yang cekap.

IMPAK DARI CABARAN YANG DI HADAPI OLEH IBUBAPA DAN INSTITUSI KEKELUARGAAN SEMASA PKP PANDEMIK COVID-19

1. Impak kepada kehilangan pekerjaan menjejaskan cara dan corak kehidupan keseluruhan anggota keluarga. Kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan boleh menyebabkan gangguan mental dan kemurungan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dikatakan lebih daripada 264 juta orang menderita dengan kemurungan di seluruh dunia. Manakala, menurut Institut Kesihatan Mental Negara kemurungan yang berlaku di Amerika pula ialah sebanyak 17.3 juta yang melibatkan orang dewasa. Remaja pula dikatakan mengalami gangguan teruk iaitu sebanyak 70.77%. Kemurungan juga berbeza sama ada mengikut peringkat usia, jantina dan faktor. Kebiasaannya yang paling tinggi mengalami kemurungan ialah remaja iaitu sebanyak 14.4% sekitar usia 12 hingga 17 tahun. Selain itu, sebanyak 13.8% ialah peringkat dewasa yang berumur 18 tahun hingga 25 tahun. Yang paling rendah mengalami kemurungan ialah orang dewasa yang berumur 50 tahun keatas. Kajian meta analisis semasa pandemik Covid-19 menunjukkan bahawa kadar gangguan psikologi kanak-kanak dan remaja seluruh dunia meningkat dua kali ganda berbanding sebelum itu. Meta analisis terhadap 29 kajian yang terdiri daripada 80,879 orang muda di seluruh dunia yang berumur 18 tahun atau kurang, mendapati anggaran kelaziman kemunculan kemurungan dan kegelisahan remaja yang meningkat secara klinikal sebanyak 25.2% dan 20.5% (Swift, 2021). Ternyata impak ibubapa kehilangan pekerjaan, mengalami tekanan kehidupan, telah memberi kesan kepada kadar gangguan mental dan kemurungan kepada golongan dewasa dan muda. Secara menyeluruh, ianya memberi kesan kepada institusi kekeluargaan di Malaysia dan juga di seluruh dunia.

2. Keletihan yang dihadapi oleh ibu bapa merupakan sindrom spesifik disebabkan oleh pendedahan berterusan terhadap tekanan yang kronik sebahai ibu bapa (Mikolajczak, Brianda, Avalosse, & Roskam, 2018). Dalam masa pandemik dan PKP, keletihan hadir pada ibu bapa yang terlalu ter tekan juga kerana melakukan pelbagai tugas dalam satu masa seperti menguruskan tugas rumah tangga, menjaga anak-anak, dan melakukan tugas pejabat secara BDR. Untuk mengelakkan keletihan, seorang ayah perlu mengubah rutin kerja dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu secepat mungkin agar tidak membahayakan kesihatan mental mereka. Toleransi dan kerjasama dari setiap pasangan juga penting kerana setiap orang mengalami rutin kerja yang berbeza sebelum dan selepas pandemik Covid-19. Jadual kerja diperlukan untuk menguruskan rumah dan anak-anak dengan pasangan.

3. Abdussalam, Johari dan Haji Alias (2015) berpandangan bahawa pendapatan yang diperoleh setiap bulan memberi kesan yang besar terhadap keadaan hidup seseorang individu. Kajian Ambikapathy dan Ali (2020) menggambarkan bahawa BDR semasa PKP telah memberikan kesan positif terhadap sokongan kewangan pekerja. Pekerja dapat menjimatkan banyak kos dan masa mereka dengan melakukan pekerjaan secara BDR. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa BDR dapat memenuhi kepuasan kerja yang baik terutamanya apabila tujuan produktiviti maksimum dicapai oleh pekerja. Diantara kelebihan lain adalah:-

- (i) Mempunyai masa yang cukup untuk memenuhi keperluan dan tanggungjawab terhadap keluarga (Troup & Rose, 2012). Kelebihan utama BDR adalah dapat memenuhi tuntutan keluarga seperti keperluan penjagaan anak-anak semasa melakukan pekerjaan harian, lebih-lebih lagi semasa PKP, pusat jagaan anak-anak juga terpaksa ditutup untuk mencegah dari wabak (ILO, 2020); (Thompson, 2020). Pekerja yang menjalani BDR bukan sahaja mampu untuk memantau anak-

anak mereka tetapi juga dapat membimbing perkembangan anak mereka. Kelebihan ini dapat mengeratkan hubungan antara ahli keluarga (Subramaniam, Overton, & Maniam, 2015).

(ii) Menjimatkan masa dengan tidak memerlukan sebarang perjalanan. Pada masa kebiasaan, ibubapa menghabiskan banyak masa mereka untuk berulang alik ke tempat kerja setiap hari. Pada masa BDR, pekerja dapat menjimatkan masa perjalanan ulang alik dan masa tersebut dapat digunakan untuk menguruskan anak-anak atau ahli keluarga di rumah (ILO, 2020). BDR juga dapat menjimatkan wang perbelanjaan dari segi pembelian petrol atau penggunaan pengangkutan awam (Church, 2015).

(iii) Mudah dan fleksibel. Dengan BDR mereka dapat menentukan masa mereka sendiri untuk bekerja dan mampu menampung tugas-tugas lain yang perlu dilakukan. Fleksibiliti banyak memudahkan kerja dari segi perancangan masa, ruang dan lain-lain (ILO, 2020).

Walaupun terdapat manfaat semasa BDR, namun kekurangannya juga tidak dapat dielakkan. Antaranya adalah:-

(i) Sifat lalai dalam kelonggaran (Pullein, 2020). Penyeliaan dan pemantauan kerja tidak berlaku sebagaimana kerja secara bersemuka, Seharusnya cara bekerja yang santai ini membolehkan mereka merasa selesa dan kurang tekanan, dan kemungkinan akan menunda permulaan kerja dan tidak memandang serius tentang kerja mereka sehingga tarikh akhir hampir tiba.


(ii) Sikap lebih mementingkan tugas peribadi (Pullein, 2020). BDR membuatkan seseorang lebih memikirkan tentang tugas peribadi mereka. Oleh itu, masa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas rasmi pekerjaan akan ditangguhkan dan ia mempengaruhi produktiviti pekerja. Disiplin diri sangat diperlukan untuk menyeimbangkan tugas peribadi dan tanggungjawab sebagai seorang pekerja. Pekerja harus mewujudkan disiplin yang tinggi dalam diri mereka supaya pekerjaan dapat dilakukan tepat pada waktunya.

(iii) Kurangnya semangat berdaya saing (Srivastava et al., 2015). Kurangnya komunikasi dengan rakan sekerja dan majikan juga menjadi penyebab kepada penurunan semangat kompetitif serta mengurangkan produktiviti pekerja. Selama ini, tempat kerja adalah tempat yang mana pekerja dapat bertemu dengan rakan sekerja yang lain dan menjalinkan hubungan sosial. Ianya juga menjadi jalan terbaik bagi melepaskan diri dari tekanan di rumah. Akan tetapi, dengan BDR para pekerja tidak dapat memanfaatkan peluang sosial ini sebagai langkah pengurangan tekanan yang mereka hadapi, dan ini menjadi beban kepada ibubapa dan menjejaskan kualiti kerja dan kehidupan kekeluargaan.

4. Oleh kerana PdPR telah digunakan secara meluas semasa pandemik Covid-19, persediaan pelajar adalah sangat penting untuk keberhasilan pelaksanaan PdPR sebagai platform untuk belajar. Ianya dapat dicapai dengan memahami persekitaran kesediaan belajar seperti kecekapan menggunakan komputer dan capaian internet (Tuntirojanawong, 2013). Tahap literasi komputer adalah untuk memastikan pelajar dapat belajar secara bebas untuk menyelesaikan aktiviti PdPR (Suprabha et al., 2017). Oleh itu kemahiran dan literasi komputer adalah sangat penting untuk dipelajari dan ditingkatkan dalam membantu mencapai pembelajaran cemerlang dan kompetitif.

Rajah 2 menunjukkan impak kepada cabaran-cabaran yang dilalui oleh ibubapa dan ahli keluarga ketika PKP Covid-19 di Malaysia. Ia menunjukkan impak utama yang dihadapi oleh institusi kekeluargaan di Malaysia semasa pandemik Covid-19 yang mana ianya sangat memerlukan perhatian dan tindakan di semua peringkat utama jentera kerajaan dan juga NGO. Impak utama adalah berkenaan dengan peningkatan kes-kes kesihatan mental, kemurungan dan bunuh diri. Bagi ibubapa yang BDR, sudah tentu mereka perlu mengambilkira aspek-aspek amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan urusan pekerjaan dengan penuh integriti. Manakala dalam melaksanakan urusan pekerjaan, ibubapa yang BDR perlu menyesuaikan diri mereka dengan mengubah jadual kerja kepada norma baharu bagi mewujudkan keharmonian dan sikap kerjasama sesama ahli keluarga. Bagi surirumahtangga pula, impaknya adalah berkenaan dengan kecekapan penggunaan teknologi maklumat dan peralatannya. Mereka perlu berusaha memantapkan kemahiran komputer bagi membantu PdPR anak-anak dapat dijalankan dengan lancar ketika di rumah, terutamanya kepada anak-anak yang berada diperingkat sekolah rendah.

Rajah 2. Impak dari cabaran yang dihadapi oleh ibubapa dan institusi kekeluargaan semasa pandemik Covid-19



Secara umumnya, impak kepada kehilangan sumber pencarian keluarga menyebabkan kes-kes masalah kesihatan mental meningkat di seluruh Malaysia. Ianya banyak berlaku kepada golongan muda dan juga kepada ketua keluarga (atau ketua syarikat). Secara mendadak kes bunuh diri juga meningkat. Data Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes bunuh diri pada 2019 adalah sebanyak 609 manakala tahun 2020 sebanyak 631 kes. Manakala bagi tempoh Januari hingga Mei 2021 pula sebanyak 468 kes dilaporkan. Keadaan ini amat membimbangkan dan wajar diberikan perhatian serius. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, secara purata dua kes dilaporkan berlaku setiap hari sejak 2019 hingga Mei 2021 (Sinar Harian, 2021). Dalam menghadapi situasi tertekan, kemurungan, keletihan yang berlebihan dan 'burnout', ibubapa disarankan agar mengambil inisiatif untuk mengubah rutin jadual kerja harian supaya lebih adaptif kepada norma baharu dan berusaha menjalinkan toleransi dan bekerjasama sesama ahli keluarga. Usaha ini adalah salah satu langkah yang dapat memberikan kebahagiaan dan keseimbangan dalam kehidupan pada waktu-waktu begini.

Sementara dalam hal BDR, persepsi negatif seharusnya disingkirkan supaya ianya tidak menjadi punca masalah kepada masalah lain yang berganda. Sesungguhnya sikap amanah dan keihlasan bekerja adalah sangat penting kerana ianya dapat menjaga dan memelihara punca rezeki, selain ia menjadi contoh yang baik buat anak-anak. Selain dari itu, bagi menyeimbangkan PdPR sebagai satu rutin pembelajaran, kemahiran dan literasi komputer perlulah dipertingkatkan terutama kepada ibubapa dan ahli keluarga yang lain. Apatah lagi dalam menghadapi revolusi industri yang ke-empat ini, ilmu perkomputeran dan kemahirannya perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Dalam keadaan biasa, cuti panjang persekolahan memberi kesan negatif kepada prestasi anak-anak kerana kadang-kadang masa lapang tidak diisi dengan aktiviti bermanfaat. Lebih-lebih lagi kepada mereka yang berlatarbelakang dari keluarga yang kurang mampu (Campbell et al., 2015). Situasi pandemik adalah bukan percutian, kerana tempoh masa anak-anak dirumah sudah jauh melampaui tempoh masa tersebut. Apa yang boleh dipelajari adalah aktiviti yang dapat membantu anak-anak mengikuti dan meningkatkan kemahiran mereka. Fisher et al. (2020) berpandangan bahawa perkara ini berbeza dari satu keluarga ke keluarga yang lain bergantung kepada beberapa faktor diantaranya tahap pendidikan ibubapa, kadar kemiskinan, kesihatan fizikal dan psikologi, bilangan kepadatan penghuni dalam sesuatu rumah, ketersediaan komputer dan akses internet yang mencukupi untuk PdPR.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DALAM MENGUKUHKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DI MALAYSIA

Dapatan kajian terhadap cabaran dan impak ini diharapkan dapat membantu sedikit sebanyak melahirkan cadangan dan langkah-langkah serta strategi yang perlu diambil bagi mengukuhkan kembali institusi kekeluargaan di Malaysia pasca pandemik. Sesungguhnya, kehidupan bersama pandemik yang dihadapi sekarang ini, yang dikatakan sebagai 'norma baharu' adalah satu kehidupan tanpa persediaan yang rapi dari semua warga Malaysia dan warga dunia. Satu resolusi pasca pandemik seharusnya dicadangkan bagi melihat kualiti kehidupan institusi kekeluargaan di Malaysia utuh seperti dahulu. Sehubungan dengan itu, Talha (2020) menyatakan bahawa impak daripada pandemik Covid-19 bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi negara malahan ia juga memberi kesan kepada aspek sosial penduduk. Perubahan gaya hidup harian termasuk pekerjaan, secara langsung menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan dan hubungan sosial. Bagi ibubapa yang bekerja, dengan cabaran pandemik dan bekerja dari rumah, Thompson (2020) menyarankan agar ibu bapa mengekalkan jadual kerja seperti biasa tetapi pada masa yang sama cuba melakukan beberapa penyesuaian agar sesuai dengan jadual kerja. Sebagai contoh, perancangan seharusnya merangkumi;

- Jadual pembelajaran anak-anak
- Jadual pemakanan dan hidangan untuk setiap masa makan
- Jadual melakukan tugas rumahtangga yang lain, seperti membasuh pakaian, membasuh pinggan mangkuk, memasak, dan lain-lain lagi.

Dengan maklumat tersebut, ibubapa boleh mula merancang tugas kerja dan tugas rumahtangga, malah ada diantara tugas tersebut boleh diagihkan kepada ahli keluarga yang lain, samada anak-anak remaja dalam keluarga untuk mereka sama-sama membantu ibubapa menyediakan keperluan tersebut kepada semua ahli keluarga. Dengan perancangan sebegini, nescaya ia dapat mengurangkan beban ibubapa yang BDR.

Seharusnya, dalam masa BDR ini ibubapa sebagai ketua keluarga menunjukkan sikap komitmen kepada kerja dan pengeluaran kerja sepertimana pada hari kebiasaan. Ini juga dapat menjadi contoh kepada anak-anak dalam keluarga tersebut. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah menggariskan tentang perlunya perasaan bertanggungjawab pada pekerjaan semasa BDR kerana perlunya wujud sikap saling mempercayai diantara pekerja dan majikan (ILO, 2020). ILO juga menekankan tentang tanggungjawab majikan kepada pekerja dalam masa BDR ini dimana majikan seharusnya mewujudkan sistem untuk melaporkan dan menyasat kecederaan, penyakit atau kemalangan lain yang berlaku kerana aktiviti kerja. Selain itu, majikan harus sedar akan peningkatan kesihatan dan risiko keselamatan yang mungkin timbul dari BDR semasa pandemik Covid-19. Ini boleh merangkumi peningkatan bahaya psikososial yang berkaitan dengan BDR, termasuk peningkatan tekanan pekerjaan. Ia boleh meningkatkan kejadian kegunaan rumah tangga disebabkan masalah kewangan. Majikan harus sentiasa berhubung dengan pekerja mereka dan memaklumkan kepada pekerja sebarang sumber sokongan yang mereka ada. Contohnya, sebilangan majikan dapat menyediakan perkhidmatan bimbingan dan rujukan kaunseling kepada pekerja (ILO, 2020).

Berhubung dengan pelaksanaan PdPR, ibubapa dan anak-anak telah bersama-sama mengharungi keadaan ini hampir dua tahun bermula dari Mac 2020 hingga kini. Oleh itu, mereka seharusnya cuba sedaya upaya untuk mengekalkan momentum dan kekal bersemangat untuk meneroka peralatan komputer dan memiliki kemampuan menggunakan aplikasi internet agar dapat mengurangkan gejala tekanan teknologi di kalangan para pelajar, terutamanya dalam menyertai aktiviti PdPR (Yang, Lin & Chen, 2018). Secara tidak langsung, PdPR ini juga, sangat mendasak pelajar untuk belajar bergantung pada diri sendiri, dimana pelajar harus mengembangkan motivasi diri semasa belajar untuk pencapaian akademik dan melengkapkan diri dengan celik komputer atau internet. Banyak perisian (software) yang boleh digunakan untuk pembelajaran dalam talian seperti Google Meet, Zoom, Webex dan lain-lain lagi. Perisian ini membolehkan para pelajar untuk membuka kamera dan mikrofon di komputer untuk perbualan dalam talian yang lebih berkesan (Allam et. al., 2020).

Daripada perbincangan dan kupasan yang telah diutarakan diatas, wujudnya keperluan bagi mengukuhkan lagi Dasar Keluarga Negara (DKN) dengan mengambilkira kesan dan impak pandemik Covid-19 kepada institusi kekeluargaan terutama kepada ibubapa yang kehilangan pekerjaan untuk menyara anak-anak mereka. Kes-kes keluarga dan anak-anak B40 yang hilang arah tuju kehidupan dengan rumitnya cabaran yang dihadapi serta kes-kes kesihatan mental dan bunuh diri (yang melibatkan ibubapa dan ketua keluarga) yang dilihat naik mendadak dalam masa dua tahun terakhir ini perlulah ditangani dengan baik. Perkara ini adalah sejajar dengan Dasar Keluarga Malaysia (DKM) dimana ianya adalah merupakan satu usaha bagi memastikan institusi keluarga diperkukuhkan selari dengan hasrat supaya kemakmuran ekonomi dan sosial dapat dinikmati oleh setiap ahli di dalam keluarga (Iskandar, 2019).

Didalam ajaran Islam, manusia diuji dari masa ke semasa dengan pelbagai ujian kehidupan. Pandemik Covid-19 dan PKP juga adalah termasuk dalam salah satu ujian kehidupan. Islam adalah agama yang indah dan dibangun atas dasar kelembutan, kasih sayang, serta kemudahan di dalamnya. Dengan keyakinan iman, perlulah diingat bahawa Allah SWT menguji hambaNya sesuai dengan kemampuan masing-masing. Firman Allah SWT dalam Surah al Baqarah ayat 286, yang bermaksud:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya” (Al-Baqarah, 2:286)

Dalam masa yang sama juga, Allah SWT memberi keyakinan kepada manusia bahawa dalam apa jua situasi, punca rezeki, punca pencarian kehidupan itu sentiasa ada dan dilimpahkan oleh Allah SWT untuk manusia yang berusaha. Oleh itu, manusia tidak perlu merasa sangat kecewa dan gusar dan hendaklah sentiasa yakin dengan kekuasaan Allah SWT. Firman Allah SWT, dalam Surah al-Dzaariyat, ayat 58 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya”.
(al-Dzaariyat, 51:58)

KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 menyaksikan bahawa kehidupan manusia tidak sama lagi seperti sebelum ini. Perubahan ini melibatkan banyak aspek kehidupan manusia terutamanya dalam aspek pekerjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan, hubungan sosial dan kehidupan harian yang lain. Dalam menghadapi norma baharu ini, ibubapa mestilah berfikir positif dan kreatif bagi memastikan ahli keluarga sentiasa terjaga dan terpelihara baik dari segi kesihatan rohani dan jasmani. Tidak dapat dinafikan, terlalu banyak cabaran dan impak yang dilalui oleh ibubapa dan ahli keluarga yang menyebabkan kestabilan institusi kekeluargaan terganggu. Masalah kehilangan sumber pendapatan samada secara kekal atau sementara, BDR sambil melakukan segala tugas mengasuh anak dan hal-hal rumahtangga yang lain, keperluan memantau hal-hal pembelajaran anak-anak melalui PdPR, dan juga perasaan keletihan, kemurungan dan *burnout* akibat dari kerja-kerja dan tanggungjawab yang berterusan membuatkan ibubapa sentiasa dalam keadaan berkeluh kesah. Impak dari cabaran ini sangat berat untuk dihadapi dimana masalah kesihatan mental dan bunuh diri meningkat dengan mendadak sejak dua tahun kebelakangan ini. Oleh kerana kajian ini hanya berbentuk konseptual, adalah sangat penting hal-hal berkenaan cabaran dan impak Covid-19 kepada institusi kekeluargaan dijalankan secara kerja lapangan untuk melihat keadaan sebenar yang dialami oleh masyarakat. Kemungkinan data yang bakal diperolehi akan membantu kerajaan dalam melaksanakan Dasar Keluarga Negara (DKN) dengan lebih komprehensif.

Ibubapa disaran agar tetap kekal bersemangat positif dalam menjalankan urusan kerja dan urusan harian supaya semangat yang sama dapat diterap kepada semua ahli keluarga yang lain. BDR dan PdPR adalah norma baharu yang perlu disesuaikan dalam kehidupan kita semua. Dalam menghadapi revolusi industri yang ke-empat ini, BDR dan PdPR, ilmu perkomputeran dan kemahirannya perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengingatkan tentang kepentingan perasaan bertanggungjawab pada pekerjaan semasa BDR kerana perlunya wujud sikap saling mempercayai diantara pekerja dan majikan. Disamping itu, majikan juga harus sedar akan peningkatan masalah kesihatan dan risiko keselamatan yang timbul dari

BDR yang boleh mendedahkan kepada bahaya psikososial berkaitan BDR. Sebagai kesimpulan, persekitaran BDR memberi impak besar kepada kebanyakan pekerja. Pengurusan atasan terutama sumber manusia dan kementerian sumber manusia di Malaysia perlu menitikberatkan cabaran yang dihadapi oleh pekerja mereka supaya BDR secara produktif dapat diwujudkan. Dengan ini, pekerja BDR dapat menghasilkan yang terbaik untuk produktif diri sendiri, institusi keluarga, syarikat dan juga negara.

Pelaksanaan dan penambahbaikan DKN seharusnya dilihat sebagai suatu kaedah untuk mengukuhkan kembali institusi kekeluargaan di Malaysia pasca Covid-19. Banyak perkara yang perlu distruktur kembali agar institusi keluarga berfungsi menjadi penyokong kepada pembangunan negara pasca pandemik selari dengan hasrat supaya kemakmuran ekonomi dan sosial dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat. Boleh disimpulkan disini bahawa cara penerapan norma baharu bergantung pada individu, keluarga, masyarakat sekitar dan kebijaksanaan pemerintah terhadap polisi negara, peraturan dan syarat tertentu sektor-sektor penting yang perlu diberi keutamaan. Tidak dapat dinafikan, kukuhnya institusi keluarga dapat menyumbang kepada kukuhkan ekonomi dan negara bangsa. Tetapi, apa yang pasti, dunia tidak akan sama lagi. Terlalu banyak perubahan yang berlaku dalam masa yang sangat singkat. Norma baharu adalah satu kenyataan.

SENARAI RUJUKAN

- Al-Quran. (2021). Terjemahan Al-Quran bahasa Melayu. <https://www.surah.my/>
- Abd Wahid, N. H. (2021, June 13). Remaja dan kesihatan psikologi. Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/143899/KHAS/Pendapat/Remaja-dan-kesihatanpsikologi>
- Abdul Rahman, N. (2021, Januari 30). Peritanya suami isteri hilang kerja akibat Covid-19. Harian Metro Online. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669469/peritanya-suami-isteri-hilang-kerja-akibat-covid-19>
- Abdussalam, O. I., Johari, F., & Haji Alias, M. (2015). The importance of National Poverty Eradication Programme (NAPEP) on income improvement and women empowerment: evidence from Kwara State, Nigeria. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 12(1), 13-28.
- Allam, S. N. S., Hassan, M. S., Mohideen, R. S., Ramlan, A. F., & Kamal, R. M. (2020). Online distance learning readiness during covid-19 outbreak among undergraduate students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(5), 642-657
- Alyasa, J. (2021, June 24). Kesihatan mental rakyat membimbangkan. Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/146022/SUARASINAR/AnalisisSinar/Kesihatan-mental-rakyat-makin-membimbangkan>
- Al-Yasin, J. (1983). *Faylasufan ra'idan: al-Kindi wa al-Farabi*. Beirut: Dar al Andalus, Bab. 2, 82-88.
- Ambikapathy, M., & Ali, A. (2020, December 4). Impact and challenges towards employees work from home during Covid-19 (MCO) period. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 97-107.
- Aziz, A. R. A., Sukor, N. M. & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu, 2(4), 156-174. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/11594/5554>
- Aziz@Dorashid, A. R. (2020). Wabak COVID-19: Penyesuaian Kendiri terhadap NormaBaharu. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/wabak-covid-19-penyesuaian-kendiri-terhadap-norma-baharu/>
- Azman, F. (2021, Febuari 8). 81 peratus rakyat Malaysia bimbang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19 – Kajian Pusat Penyelidikan EMIR Research. Astro Awani Online. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/81-peratus-rakyat-malaysia-bimbang-kehilangan-pekerjaan-akibat-covid19-kajian-281930>
- Campbell, M., Watson, N., & Watters, N. (2015). *The cost of school holidays*. What Works Scotland (WWS). <https://eprints.gla.ac.uk/122643/1/122643.pdf>.
- Church, N. F. (2015). Gauging perceived benefits from working from home as a job benefit. *International Journal of Business and Economic Development*, 3(3), 81-89.
- Coombs, J. R. & Daniels, L. R. B. (1991). Philosophical inquiry: Conceptual analysis. In Short, E. C. *Forms of curriculum inquiry*. Albany, USA: State University of New York Press.
- Fahrudin, A. & Malek, M. D. A. (2014). Kefungsian keluarga: Konsep dan indikator pengukuran dalam penyelidikan dlm. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Fatimah, R. & Jemain, A. A. (2015). *Institusi keluarga di Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Fisher, J., Languilaire, J. C., Lawthom, R., Nieuwenhuis, R., Petts, R. J., Runswick-Cole, K. & Yerkes, A. M. (2020) Community, work, and family in times of COVID-19, *Community, Work & Family*, 23(3), 247-252, DOI: 10.1080/13668803.2020.1756568
- International Labor Organization (ILO). (2020). An employers' guide on working from home in response to the outbreak of COVID-19. International Labor office, Geneva. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_dialogue/---act_emp/documents/publication/wcms_745024.pdf
- Iskandar, P. W. (2019, November 25). Deklarasi keluarga Malaysia perkukuh institusi kekeluargaan – TPM. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/631903/deklarasi-keluarga-malaysia-perkukuh-institusi-kekeluargaan-tpm>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Statistik utama tenaga buruh di Malaysia, Febuari 2021. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UXIFcW1pSnhhZUFSSSTc0RDhnR3V3dz09>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021a). Sorotan statistik ekonomi Malaysia Siri 2/2021. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/External_Sector/MESR/Sorotan_Statistik_Ekonomi_Malaysia-Vol_2-2021.pdf
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Situasi terkini covid 19 di Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- LPPKN. (2021). Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara. Dasar Keluarga Negara. [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/dasar_keluarga_negara%20\(BM\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/dasar_keluarga_negara%20(BM).pdf)

- Mahmood, J. (2020, May 3rd). Covid-19 won't end for another two years; enforcement crucial to surviving pandemic. Malay Mail Online. <https://www.msn.com/en-my/news/national/covid-19-wont-end-for-another-two-years-enforcement-crucial-to-surviving-pandemic/ar-BB13wmH9?li=BBR8Hnu>
- Manja, S., Mohamad, I., Ismail, H., & Yusof, N. (2020, Decemeber). Covid-19: The investigation on the emotional parental burnout during movement control order in Malaysia. *European Journal of Molecular and Clinical Medicine*, 7(2), 4912-4929.
- Mikolajczak M, Brianda ME, Avalosse H, Roskam I. (2018). Consequences of parental burnout: Its specific effect on child neglect and violence. *Child Abuse Negl.* June (80), 134-145. doi: 10.1016/j.chiabu.2018.03.025.
- Möhring, K., Naumann, E., Reifenscheid, M., Wenz, A., Rettig, T., Krieger, U., Friedel, S., Finkel, M., Cornesse, C. & Blom, A. G. (2021). The Covid-19 pandemic and subjective well-being: longitudinal evidence on satisfaction with work and family. *European Societies*, 23(sup1), S601-S617.
- Möhring, K., Naumann, E., Reifenscheid, M., Blom, A., Wenz, A., Rettig, T., Lehrer, R., Krieger, U., Juhl, S., Friedel, S., Fikel, M. and Cornesse, C. (2020) Inequality in employment during the Corona lockdown: Evidence from Germany. JESP Blog. https://www.uni-mannheim.de/media/Einrichtungen/gip/Corona_Studie/JESP-Blog_Mo_hring_et_al_2020.pdf
- Muhammad, H. (2020, Dec 3rd). COVID-19: Hampir 100,000 hilang kerja sejak Januari. Astro Awani Online. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-hampir-100000-hilang-kerja-sejak-januari-timbangan-menteri-271403>
- Mustaffa, N. B. (2020). Mengatasi kebimbangan semasa pandemik covid-19 dengan pendekatan teori Rational Emotive Behaviour Theraphy (REBT). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 10-16, 2020 doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.553>
- Norberg, A. L. (2007). Burnout in mothers and fathers of children surviving brain tumour. *Journal of Clinical Psychology in Medical Settings*, 14(2), 130-137.
- Parzi, M. N & Abd Karim, L. A. (2020, Oktober 31). 800,000 hilang kerja sejak COVID-19 melanda. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748412/800000-hilang-kerja-sejak-covid-19-melanda>
- Pullein, C. (2020, November 26). *Pro and cons of working from home*. Lifehack. <https://www.lifehack.org/articles/featured/pro-and-cons-of-working-from-home.html>
- Shahjahan, M. (1985). An Introduction to the Ethics of al-Farabi. In *Islamic Culture*, Vol. 59, January, n.n; n.d.; p. 46.
- Sinar Harian. (2021, September 9). Kes bunuh diri membimbangkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/153205/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Kes-bunuh-diri-membimbangkan>
- Srivastava, K., Sethumadhavan, A., Raghupathy, H., Agarwal, S., & Rawat, S. R. (2015). To study the Indian perspective on the concept of work from home. *Indian Journal of Science and Technology*, 8(4), 212-220.
- Statistics Solutions (2021). What is the Difference between Content Analysis and Thematic Analysis? <https://www.statisticssolutions.com/what-is-the-difference-between-content-analysis-and-thematic-analysis/>
- Subramaniam, G., Overton, J., & Maniam, B. (2015). Flexible working arrangements, work lifebalance and women in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(1), 34-38.
- Sullivan, A. B., Kane, A., Roth, A. J., Davis, B. E., Drerup, M. L., & Heinberg, L. J. (2020). The covid-19 crisis: a mental health perspective and response using telemedicine. *Journal of Patient Experience*, 7(3), 295-301.
- Suprabha, B., Shenoy, R., Rao, A., & Naik, D. (2017). Readiness and utilization of computer-assisted learning among dental students and faculty. *Dental Hypotheses*, 87-93.
- Swift, D. (2021, September 5). Global youth depression and anxiety doubled during pandemic. Medscape. https://www.medscape.com/viewarticle/956366#vp_1
- Talha, R. (2020). Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia. Newsletter Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf
- Thompson, A. P. (2020). Time management. A Guide for Working (From Home) Parents. Harvard Business Review. <https://hbr.org/2020/03/a-guide-for-working-from-home-parents>
- Troup, C., & Rose, J. (2012). Working from home: do formal or informal telework arrangements provide better work-family outcomes? *Community, work & Family*, 15(4), 471-486.
- Tuntirojanawong, S. (2013). Students' readiness for e-learning : a case study of students' readiness for E-learning: A Case Study of Sukhothai Thammathirat Open University, Thailand. *Journal of Learning In Higher Education*, 59-66.
- Ulwan, A. N. (2015). *Tarbiyatul Awlad fil Islam*. Jilid 1. Selangor: PTS Publishing House
- Yang, J. C, Lin, M. Y. D., & Chen, S. Y. (2018). Effects O.f Anxiety Levels On Learning Performance And Gaming Performance In Digital Game - Based Learning. *Journal Of Computer Assisted Learning*, 1(May 2017), 1-11.

Dr Khatijah Othman adalah pensyarah dalam bidang Pengurusan Islam dan Pengurusan Sumber Manusia di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Fokus kajian penyelidikan beliau adalah dalam bidang Pengurusan Islam, Sumber Manusia dan Psiko-spiritual. Penulisan hasil kajian telah banyak dikeluarkan dalam pelbagai jurnal dan carian melalui Google Scholar boleh dicari menggunakan Khatijah Othman USIM. Beliau boleh dihubungi melalui khatijah@usim.edu.my